



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **8 Okt 2020 (Khamis)**

### **Berita Harian**

|  |   |
|--|---|
| Klang, Sandakan, Papar, Tuaran dikenakan PKPB                | 1 |
| Pastikan industri berisiko tiada di sepanjang sungai         | 2 |
| Realisasi hasrat bandar raya rendah karbon menjelang 2030    | 3 |
| 5 kali tercemar sejak November 2019                          | 4 |
| 87 peratus bekalan air pulih selepas loji kembali beroperasi | 5 |

### **Utusan Malaysia**

|   |   |
|---|---|
| Kerajaan Selangor umum rombakan portfolio | 6 |
| Dalang cemar sungai ditangkap             | 7 |

### **Harian Metro**

|                                  |    |
|----------------------------------|----|
| Tiada laporan kes MB Selangor    | 8  |
| Tiada laporan kes MB Selangor    | 9  |
| Tutup 4 zon merah                | 10 |
| 'Air mulai jernih, lebih bersih' | 11 |
| Ditahan di kelantan              | 12 |

### **Kosmo**

|                                |    |
|--------------------------------|----|
| Selangor rombak portfolio Exco | 13 |
|--------------------------------|----|

### **Sinar Harian**

|   |    |
|---|----|
| 1.9 JUTA PENDUDUKEMPAT DAERAH DIKENAKAN PKPB                | 14 |
| Empat daerah kena PKPB                                      | 15 |
| Tiada laporan polis terhadap MB Sselangor langgar kuarantin | 16 |
| Bekalan air di 46 kawasan di Selangor pulih sepenuhnya      | 17 |
| Dua suspek pencemaran air direman tujuh hari                | 18 |
| Bantahan penduduk Bukit Antarabangsa                        | 19 |
| Selangor umum lima portfolio baharu                         | 20 |

### **Utusan Malaysia Online**

|  |    |
|--|----|
| Krisis air: 46 kawasan pulih                             | 21 |
| Penduduk kecewa masalah air berterusan 24 tahun          | 22 |
| 12 jam stabilkan sistem LRA Sungai Semenyih              | 23 |
| 145 kawasan akan pulih tengah malam ini                  | 24 |
| Negeri Sembilan hantar bantuan lori tangki               | 25 |
| Polis kenal pasti suspek mencemarkan sungai Batang Benar | 26 |

### **The Star**

|  |    |
|--|----|
| AID FOR STUDENTS                         | 27 |
| Four red zones under CMCO from tomorrow  | 28 |
| FREE USAGE OF FACILITIES                 | 29 |
| Minor reshuffle in S'gor exco portfolios | 30 |
| Lorry to get tested for illegal waste    | 31 |

### **New Straits Times**

|  |    |
|--|----|
| MIXED FEELINGS ABOUT KLANG CMCO                            | 32 |
| 2 nabbed over pollution of Sg Batang Benar and Sg Semenyih | 33 |
| WATER SUPPLY TO 210 AREAS RESTORED                         | 34 |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **The Sun**

|                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| Putting travel budget to good use     | 35 |
| Two nabbed over Sg Semenyih pollution | 36 |

### **The Star Online**

|   |    |
|---|----|
| Cops on the heels of Negri water treatment polluters                  | 37 |
| New mobile app for businesses in Petaling Jaya                        | 38 |
| Pressure's up for mums with dry taps                                  | 39 |
| Student volunteers raise green awareness at KL park                   | 40 |
| Sudden unscheduled water cuts leave consumers high and dry            | 41 |
| Man charged with unnatural sex fails in legal bid to remain anonymous | 42 |

### **Sin Chew Daily**

|   |    |
|---|----|
| Selangor Government appoints Pan Jian De as village head of Sekinchan Village A     | 43 |
| Selangor State Executive Council is reorganized, and Hee Loy Sian in charge tourism | 44 |

### **Makkal Osai**

|                              |    |
|------------------------------|----|
| Action taken on Selangor MB? | 45 |
|------------------------------|----|



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>8 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | Berita Harian                                 |
| Tajuk Berita          | : | Klang, Sandakan, Papar, Tuaran dikenakan PKPB |
| Muka Surat            | : | 2   |

# Klang, Sandakan, Papar, Tuaran dikenakan PKPB

Pergerakan keluar, masuk di empat kawasan tidak dibenarkan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Lugman Arif Abdul bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Klang, Selangor dan di Sandakan, Tuaran serta Papar di Sabah bermula jam 12.01 tengah malam ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata keputusan dibuat Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semalam berikutan peningkatan kes positif COVID-19 di empat daerah berkenaan yang kini diisytiharkan Zon Merah.

"PKPB ini dilaksanakan bagi membendungjangkitan COVID-19 di kawasan itu serta melaksanakan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dalam tempoh 14 hari," katanya pada sidang media secara maya dari kediamannya menerusi Facebook Kementerian Pertahanan semalam.

Berikutan itu, Ismail Sabri berkata, pergerakan keluar masuk di keempat-empat kawasan PKPB berkenaan tidak dibenarkan. "Hanya perkhidmatan perlu, termasuk kilang dan rantaian yang berkaitan adalah dibenarkan."

"Kementerian Perdagangan An-



**Polis meneliti dokumen perjalanan** di sekatan Jalan Sabindo menghala Putatan yang dikenakan pelaksanaan PKPB bermula hari ini.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

tarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) akan menyenaraikan jenis perkhidmatan perlu yang terbabit di kawasan berkenaan," katanya.

Katanya, antara prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi kawasan terbabit adalah hanya dua orang dari sesebuah rumah dibenarkan keluar bagi mendapatkan bekalan makanan dan keperluan rumah.

"Perniagaan bukan perkhidmatan perlu, hendaklah ditutup serta waktu operasi restoran, kedai makan, kedai runcit, kedai serbaneka dan stesen minyak adalah dari jam 6 pagi hingga 6 petang," katanya.

Beliau berkata, pembelian makanan hanya menggunakan kaedah pandu lalu, penghantaran (delivery) dan kaedah 'beli bawa pulang' (take-away) sahaja.

Katanya, operasi pasar harian antara hingga 6 pagi hingga 2 petang manakala pasar malam, tamu, pasar borong dan pasar tani tidak dibenarkan.

"Operasi klinik dan hospital kerajaan dan swasta dibenarkan 24 jam manakala farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6 pagi hingga 6 petang sahaja."

"Kenderaan yang membawa barangan keperluan (essential) dibenarkan keluar masuk dengan

mendapatkan kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu," katanya.

Perkhidmatan teks atau e-hailing hanya dibenarkan membawa maksimum dua penumpang dan beroperasi dari jam 6 pagi hingga 8 malam, manakala perkhidmatan bas ekspres dan bas henti-henti tidak dibenarkan.

Turut dikenakan sekatan penghantaran makanan yang hanya dibenarkan beroperasi antara jam 6 pagi hingga 8 malam.

Penduduk perlu buat permohonan pergerakan kepada pihak berkuasa bagi kes kecemasan.

Ismail Sabri berkata, penduduk di kawasan terbabit juga tidak dibenarkan keluar dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPB manakala majikan hendaklah mematuhi perintah dengan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah.

Katanya, majikan diharap tidak mengambil tindakan terhadap pekerja masing-masing kerana ia bukan pilihan mereka, sebaliknya arahan daripada kerajaan.

Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (essential service) dengan kelulusan PDRM.

Selain itu, masjid, surau, rumah ibadat bukan Islam, institusi pengajian tinggi awam dan awasta, institut latihan kemahiran, sekolah, TADIKA, TASKA, pusat tahfiz, pusat jagaan kanak-kanak juga tidak dibenarkan dibuka.

Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya tidak dibenarkan.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat khas MKN juga bersetuju PKPB

## SOP PKPB

- // Hanya 2 orang dari sebuah rumah dibenarkan keluar bagi tujuan membeli bekalan makanan/keperluan rumah.
- // Perniagaan bukan perkhidmatan perlu hendaklah ditutup.
- // Restoran, kedai makan, kedai runcit, kedai serbaneka dibenarkan beroperasi 6 pagi-6 petang.
- // Pembelian makanan hanya guna kaedah pandu lalu, penghantaran, take-away.
- // Waktu operasi stesen minyak 6 pagi-6 petang.
- // Operasi pasar harian 6 pagi-2 petang.
- // Operasi pasar malam, tamu, pasar borong, pasar tani tidak dibenarkan.
- // Waktu operasi klinik, hospital dibenarkan 24 jam.
- // Farmasi, kedai ubat-ubatan beroperasi 6 pagi-6 petang.
- // Kenderaan yang membawa barangan keperluan hanya dibenarkan keluar masuk dengan kelulusan PDRM.
- // Perkhidmatan teks/e-hailing (maksimum 2 penumpang) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi-8 malam.
- // Operasi bas ekspres, bas henti-henti tidak dibenarkan.
- // Bagi kes kecemasan dibenarkan tetapi perlu mohon kepada pihak berkuasa.
- // Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan bekerja sepanjang tempoh PKPB.
- // Majikan perlu benarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah.
- // Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu dengan kelulusan PDRM.
- // Masjid, surau, rumah ibadat bukan Islam, IPTA, IPTS, ILK, sekolah, TADIKA, TASKA, Pusat Tahfiz, pusat jagaan kanak-kanak adalah ditutup.
- // Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial, budaya tidak dibenarkan.

Bersasar di Rumah Pangsa Tongkat Yard di Seberang Perak, ditamatkan berkuat kuasa tengah malam semalam.

"Terima kasih kepada KKM dan barisan depan atas kejayaan melandaikan COVID-19 di kawasan itu," katanya.





**KERATAN AKHBAR**  
**8 October 2020**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Berita Harian  |
| Tajuk Berita | : | Pastikan industri berisiko tiada di sepanjang sungai |
| Muka Surat   | : | 10   |



**Dr Mohd Yusoff Ishak**

# Pastikan industri berisiko tiada di sepanjang sungai

**Belum** pun reda isu pencemaran di Sungai Gong, penjenayah alam sekitar sekali lagi memperjudikan keselamatan bekalan air mentah dengan insiden di Sungai Batang Benar yang juga seakan-akan mencabar iltizam pihak berkuasa.

Pencemaran bau yang mengalir ke Sungai Semenyih dari Sungai Batang Benar berhampiran Kawasan Perindustrian Nilai menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas sejak petang Ahad lalu.

Insiden ini seolah-olah ulangan episod pencemaran bau yang menyebabkan henti tugas LRA Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 3 dan Rantau Panjang pada 3 September 2020. Ironinya, ia berulang di sebalik usaha penubuhan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Biokeselamatan (JBK).

Sebanyak 283 kawasan membabitkan 309,605 akaun pengguna terbahit kali ini. Sebagai rekod, insiden henti tugas LRA Sungai Selangor sebelum ini menjejaskan 1,292 kawasan dengan anggaran 5 juta pengguna.

Sebanyak 21 premis disyaki menyebabkan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat hasil aktiviti pencucian di ladang ternakan berhampiran Sungai Pajam serta kawasan perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan.

Corak kejadian pencemaran jelas menunjukkan pihak pencemar bijak dalam berusaha menutup jejak. Sebagai contoh, kerja pembersihan ladang dilakukan pada hujung minggu ketika musim hujan dengan sangkaan pihak berkuasa sedang bercuti.

Arahan penutupan operasi pelaku pencemaran dalam insiden sebelum ini seolah-olah tidak dihiraukan. Tindakan undang-undang juga semacam tidak berkesan. Malah, lurang loji kumbahan pula sering dijadikan tempat menghumban sisa demi menutup kesan buangan dan mengelirukan pihak berkuasa.

Oleh itu, kerjasama rentas negeri antara agensi mengurus sumber air yang berkongsi kawasan lembangan seperti Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan (BKSA) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) perlu diperkuatkan. Agensi pengurusan sumber air ini perlu diberi kuasa lebih menyeluruh dalam usaha memulihara sumber air.

UCJAS perlu membabitkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan

kerajaan negeri dalam mengenal pasti semua jenis premis yang ada dalam kawasan lembangan. Penggunaan kaedah data raya boleh membantu pihak berkuasa meneliti setiap premis di sepanjang sungai yang berpotensi menyebabkan pencemaran.

Peranan agensi seperti LUAS perlu dipertingkatkan dengan menambah kuasa menguruskan sampel bahan bukti, meningkatkan kelengkapan makmal alam sekitar dan menggunakan teknologi forensik alam sekitar contohnya.

Ini bagi memberi kebebasan terhadap agensi dalam merencana hala tuju kemapanan sumber air melalui pendekatan bersepadu memantau, mengukur dan menguat kuasa undang-undang berkaitan pencemaran sumber air.

Publisiti meluas terhadap kes pencemaran Sungai Gong, nilai denda tinggi dan kewujudan pasukan khas nyata tidak mendatangkan gerun kepada pencemar. Pembuktian kes meyakinkan masa dan dalam kes terbaharu ini, bagaimana kita boleh membuktikan pesalah daripada sejumlah 21 premis yang disyaki?

Sesuatu premis mungkin beroperasi jauh dari LRA, namun risiko pencemaran sungai tetap ada. Maka, tindakan pencegahan perlu disegerakan dengan industri berisiko perlu diarah pindah ke kawasan lebih bersesuaian atas faktor ancaman terhadap bekalan air pada masa hadapan.

Sementara itu, usaha naik taraf LRA dengan teknologi lebih canggih dalam merawat sisa pencemar generasi baharu mungkin memakan masa dan kos tinggi, semua premis di dalam

lembangan perlu berdaftar dan tidak patut ada lagi istilah 'kilang haram.'

Penyelesaian jangka panjang bukan bererti mengambil air dari Tasik Putrajaya sebagai alternatif jika berlaku gangguan bekalan air di Selangor. Ini seolah-olah membiarkan pencemar terus dengan aktiviti masing-masing.

Pindaan bagi Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi kesalahan berkaitan pencemaran air dengan menaikkan denda maksimum dan penjara mandatori lebih lama perlu disegerakan. Alasan bahawa perlu mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk pakar alam sekitar amat mendukacitakan.

Pindaan AKAS 1974 perlu disertakan dengan peningkatan keupayaan dan kemampuan JAS terutama dalam mengguna pakai pendekatan data raya dan forensik alam sekitar. Ini bagi mengelakkan isu siasatan yang sering tergendala akibat kelemahan saintifik dan kecanggihan teknologi.

Langkah meningkatkan kadar denda maksimum bagi kes pencemaran air dilihat sebagai pendekatan bersifat pencegahan.

Namun, proses pembuktian kes serta mensabit pesalah sering tidak memihak kepada pihak berkuasa. Oleh itu, perlu diwujudkan unit khas forensik alam sekitar dalam membantu pihak perundangan ketika di mahkamah.

Pindaan dirancang dalam AKAS 1974 ini perlu memastikan peruntukan khusus bagi menangani pencemaran bau diperkenalkan. Adalah jelas premis dalam insiden ini gagal dalam pendekatan pematuhan sendiri wa-

laupun terdapat usaha mengambil tindakan terhadap premis terbahit mengikut AKAS 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Sebenarnya, aspek pengurusan pencemaran kualiti udara sudah lengkap dengan kewujudan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Namun, aspek pencemaran bau dalam akta sedia ada tidak dinyatakan secara khusus walaupun pencemaran bau sering dikaitkan dengan aktiviti industri seperti kilang sawit dan getah serta tapak pelupusan sisa.

Penambahan stesen pemantauan kualiti air di sungai sebenarnya tidak banyak membantu. Namun, kita masih berharap penambahan stesen pemantauan ini di lokasi panas sepanjang sungai terpilih dapat disusuli dengan pengurangan kes pencemaran sungai.

Apa yang dibimbangkan ialah penambahan stesen pemantauan mungkin memakan kos tidak sepatutnya jika parameter tepat tidak diukur stesen berkenaan. Lebih parah, parameter berkaitan seperti bau sebenarnya tidak diperincikan dengan jelas dalam Piawai Kualiti Air Kebangsaan Malaysia oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Rakyat sudah muak dengan insiden sama asyik berulang. Menjadi tanggungjawab pemimpin dalam memastikan industri berisiko tidak beroperasi dalam kawasan panas di sepanjang rizab sungai.

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)





| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>8 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | Berita Harian   |
| Tajuk Berita          | : | Realisasi hasrat bandar raya rendah karbon menjelang 2030 |
| Muka Surat            | : | 12  |

# Realisasi hasrat bandar raya rendah karbon menjelang 2030

**Malaysia** menyasarkan bandar utama di setiap negeri sebagai bandar raya rendah karbon menjelang 2030. Bagi mengaharungi perubahan iklim global semakin meruncing akibat kecepatan pembangunan ekonomi dan kemusnahan hutan tidak terkawal, pelbagai pelan tindakan dirangka bagi mencapai sasaran berkenaan.

Antaranya menghijaukan lebih banyak kawasan dengan penanaman puluhan ribu pokok setiap tahun dan mempergiat kaedah kitar semula barangan di peringkat komuniti dan kebangsaan. Jabatan Perancangan Bandaraya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) contohnya, merangka pelan tindakan sejak 2017 dengan menyasarkan 14 meter persegi ruang hijau bagi setiap penduduk.



**Norhasyimi Rahmat**

Begitu juga pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) komited merangka kaedah merendahkan paras karbon.

Kaedah terabit ialah inisiatif dalam aspek sosial bagi mendidik kesedaran sivik komuniti dan masyarakat. Garapan pelan tindakan pembebasan karbon alam sekitar perlu diterajui dengan pengukuhan tindakan dan dasar dari segi aspek sains dan teknologi.

Contohnya, pengurangan penggunaan tenaga, pengurangan sisa sampah terkumpul di tempat pelupusan sampah dan kawalan pelepasan gas karbon dioksida serta metoksida (Cox) daripada kenderaan petrol dan diesel.

Statistik pelepasan gas daripada sektor pengangkutan sahaja menunjukkan peningkatan komposisi nitrogen dioksida sebanyak 57 peratus; karbon monoksida (52 peratus) dan sebatian organik volatil (21 peratus) yang menjadi punca perangkap haba di atmosfera.

Data saintifik Nature Climate Change pada 19 Mei lalu menunjukkan penurunan gas karbon dioksida sebanyak 17 peratus daripada sektor pengangkutan akibat kawalan pergerakan hampir semua negara berikutan pandemik COVID-19.

Ini membuktikan pembebasan gas daripada kenderaan berpetrol dan diesel ialah penyumbang tertinggi terhadap kesan rumah hijau hingga mengganggu kitaran semula jadi karbon.

Namun, apakah kaedah pengurangan dan pengawalan pembebasan gas terabit akan berkesan serta dapat dipraktikkan untuk mencapai sasaran bandar raya rendah karbon?

Jika kita agresif dan fokus mengurangkan pelepasan gas daripada sektor pengangkutan dan penajanaan tenaga sahaja melalui pengubalan polisi, pemerkasaan peraturan dan pengurangan kebergantungan terhadap petroleum, sasaran bandar raya rendah karbon boleh dicapai sebanyak 80 hingga 85 peratus.

Universiti dan sektor awam serta swasta disarankan memikirkan ka-

edah saintifik terbaik untuk mengekang peningkatan karbon bagi jangka panjang. Ramai saintis negara mulanya mengkaji penggunaan bahan bakar keterbaharuan daripada sumber hidrokarbon seperti biometana, bioalkohol dan biomas.

Walaupun semua sumber ini berpotensi sebagai bahan pembakar baik, risiko pembebasan gas rumah hijau menjejaskan kitar semula karbon masih ada.

Sebenarnya, kaedah terbaik menurunkan kadar pembebasan gas adalah melalui penggunaan bahan pembakar atau tenaga berkonsepkan sifar pelepasan gas pada jangka sangat panjang bagi merendahkan paras karbon dan mengembalikan kesemulajadian kitarannya.

Tenaga hidrogen dikenal pasti sebagai satu-satunya bahan penajanaan tenaga berkonsepkan sifar pelepasan gas. Ia mula digunakan negara maju yang pakar alam sekitar dan klimatogi mereka sangat lantang serta tegas melungkan impak penggunaan tenaga memudaratkan kitaran alam semula jadi.

Sehingga 2019, ada 121 stesen retail hidrogen di seluruh dunia bagi kemudahan kenderaan yang menggunakan sepenuhnya tenaga hidrogen. Di California, Amerika Syarikat (AS), dalam masa empat tahun sahaja 30 stesen retail hidrogen dibuka.

Selain itu, negara seperti Finland, Jerman dan Jepun turut menyedari kepentingan serta manfaat penggunaan tenaga hidrogen.

Tenaga hidrogen mempunyai banyak kelebihan berbanding bahan pembakar hidrokarbon lain. Selain tenaga teknologi bersih kerana tidak membebas gas, selain wap air tidak memudaratkan, tenaga hidrogen mempunyai nilai *higher heating* (HHV) dan *lower heating* (LHV) tinggi.

HHV dan LHV ialah jumlah haba pembakaran diukur bagi menentukan kecukupan sesuatu tenaga. Di samping itu, kenderaan menggunakan tenaga hidrogen mempunyai kelebihan dari segi jarak perjalanan tinggi, penggunaan minyak rendah, pengisian semu-

la tenaga hidrogen yang cepat, berkualiti tinggi malah mempunyai ciri pensortiran dan pengagihan cekap.

Pembuatan kenderaan hidrogen melalui enjin pembakaran dalaman dan kenderaan berelektrik selfuel diiktiraf secara komersial yang mencapai objektif keselamatan alam sekitar dan kepuasan pengguna di negara luar. Penajanaan elektrik dan pembekalan haba perbandaran melalui penggunaan teknologi selfuel juga dipertakasi di Perancis, Norway, United Kingdom (UK) dan Australia.

Walaupun hidrogen unsur kimia paling ringan dan melimpah-ruah di dunia, ia tidak boleh didapati secara semula jadi di udara. Hidrogen unsur didapati dalam bentuk sebatian dengan unsur oksigen dan karbon seperti air serta hidrokarbon.

Penghasilan gas hidrogen perlu melalui sama ada teknologi konvensional seperti gasifikasi dan proses pembaharuan hidrokarbon atau teknologi berasaskan sumber keterbaharuan solar seperti elektrolisis photovoltaic, fotosintesis buatan manusia, fotolisis, fotokatalisis dan pertukaran proton selfuel membran.

Teknologi yang menepati ciri penjimatan kos operasi, jaminan keselamatan dan kebersihan alam sekitar serta mempunyai ketahanan tinggi harus dipertakasi dan diaplikasikan dalam penghasilan tenaga hidrogen.

Hakikatnya, Malaysia mengorak langkah dengan meneroka potensi tenaga hidrogen bagi menggantikan bahan pembakar sedia ada seperti arang batu dan petroleum. Pada 2015, penyelidikan di Universiti Sains Malaysia (USM) berinovasi dengan mencipta kenderaan berasaskan tenaga hidrogen dijana melalui elektrolisis air.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga tidak ketinggalan dengan kajian prototip kenderaan selfuel hidrogen. Pada 2017, pelan rangka tindakan selfuel dan hidrogen didokumenasikan sebagai tambahan kepada Polisi Tenaga Malaysia di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974.

Trajektori ini cukup membuktikan Malaysia sudah bersedia untuk membuat perubahan terhadap landskap penggunaan tenaga yang memberikan daya saing dan lebih banyak manfaat berbanding bahan pembakar sedia ada.

Namun, sudah tentu ada pelbagai cabaran dan halangan perlu diatasi seperti kematangan teknologi, pembinaan fasiliti penajanaan hidrogen, pengagihan, penstoran dan kaedah meyakinkan bagi pemasaran tenaga hidrogen.

Di Sarawak, ada pelbagai rancangan untuk mengukuh penggunaan hidrogen sebagai sumber tenaga bermula dengan kerjasama dengan syarikat gas Linde, syarikat minyak Shell dan Kejuruteraan Samsung.

Usaha diteruskan lagi dengan pembangunan projek pilot hidrogen pada 2019 dengan kerjasama syarikat Hyundai. Beberapa kereta dan bus diubahsuai dan dibina khas untuk kajian penggunaan tenaga hidrogen. Pada masa akan datang, tenaga hidrogen juga boleh digunakan bagi menguasai sistem transit laluan ringan di Sarawak.

Sains dan teknologi membuktikan teknologi keterbaharuan hidrogen sangat berpotensi sebagai tenaga bersih dan menjadi penyelesaian terhadap kemelut kitaran karbon berlanjutan.

Penggunaannya dapat menjamin kestabilan bukan sahaja alam sekitar dan iklim global, malah terkait rapat dengan pembangunan sosial dan penganjakan ekonomi negara, termasuk Malaysia.

Misi dan visi merendahkan paras karbon dengan tenaga keterbaharuan hidrogen dapat dilihat sebagai pencetus ekonomi di negara ini. Diharapkan kerjasama pelbagai pihak daripada institusi dan industri, pelan dan polisi Ekonomi Hidrogen mantap serta stabil dapat dimeterai untuk dilaksanakan bagi mencapai sasaran Malaysia rendah karbon menjelang 2030.

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan  
 Fakulti Kejuruteraan Kimia,  
 Universiti Teknologi MARA (UiTM)





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 8 October 2020

|              |   |                                     |
|--------------|---|-------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                       |
| Tajuk Berita | : | 5 kali tercemar sejak November 2019 |
| Muka Surat   | : | 20                                  |



*Longgokan sampah yang memenuhi Sungai Batang Benar.*

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

# 5 kali tercemar sejak November 2019

**Seremban:** Kes pencemaran Sungai Batang Benar, Pajam, yang menyebabkan dua loji rawatan air (LRA) dihenti tugas dan menjejaskan bekalan air kepada lebih 300,000 akaun di Lembah Klang adalah kali kelima berlaku di negeri ini membabitkan beberapa lokasi sejak November tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata sebelum ini, beberapa kes membabitkan pencemaran sungai berlaku di Mantin, Rasah, Rembau dan Port Dickson.

Katanya, berdasarkan siasatan awal, ladang penternakan itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, serta Kawasan Perindustrian Ni-

lai 3, Nilai yang didakwa menjadi punca pencemaran itu beroperasi tanpa lesen sejak empat tahun lalu.

“Kerajaan negeri akan mengambil tindakan termasuk melakukan pemutihan di kawasan berkenaan,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mengulas lanjut, Veerapan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah berkata, tindakan pemutihan terhadap kilang haram di negeri itu sentiasa diberikan perhatian.

Beliau berkata, pihaknya akan meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) dan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) untuk terus memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak tidak

bertanggungjawab.

“Tidak dinafikan banyak tindakan sudah diambil terhadap isu kilang atau premis haram dan dalam kes ini, JPVNS serta MBS akan mengambil tindakan lanjut,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri masih menyiasat bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran Ahad lalu.

Menurutnya, jika ada bukti kukuh, kes boleh disabitkan mengikut Seksyen 34B (1) (a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

“Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak melebihi RM500,000,” katanya.



## KERATAN AKHBAR

8 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Berita Harian  |
| Tajuk Berita | : | 87 peratus bekalan air pulih selepas loji kembali beroperasi |
| Muka Surat   | : | 20   |

# 87 peratus bekalan air pulih selepas loji kembali beroperasi

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 238 daripada 274 kawasan menerima bekalan air sepenuhnya, dengan peratusan pemulihan pada tahap 87 peratus sehingga jam 6 petang semalam, susulan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih kembali beroperasi.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata 36 kawasan masih lagi dalam proses pemulihan.

“Peratusan pemulihan mengikut wilayah iaitu di Petaling mencatatkan 73 peratus, Hulu Langat 88 peratus, Kuala Langat 79 peratus, manakala Sepang dan Putrajaya 99 peratus.

“Air Selangor sedang mengambil tindakan untuk menstabilkan sistem agihan bagi memulihkan kawasan yang masih terjejas,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengenai status LRA Bukit Tampoi, beliau berkata, berdasarkan ujian persampelan dijalankan di muka sau, bacaan 0 TON dicatatkan tiga kali berturut-turut bermula jam 8 pagi semalam.

“Pam air mentah di LRA itu mula beroperasi pada jam 9.45 pagi untuk kerja pembersihan paip air mentah dan tangki rawatan air



**Elina Baseri**

“LRA Bukit Tampoi dijangka dapat membekalkan air kepada pengguna dalam tempoh lapan jam, iaitu pada jam 8 malam (tadi)” katanya.

Elina berkata, pengguna dinasihatkan menggunakan air secara berhemah, bagi memastikan proses pemulihan di kawasan yang masih terjejas berjalan lancar dan mengikut jadual pelan pemulihan Air Selangor.

Air Selangor menyarankan pengguna mendapatkan maklumat rasmi gangguan bekalan air melalui saluran komunikasi rasmi Air Selangor, dengan merujuk aplikasi Air Selangor, media sosial Air Selangor di Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).

BERNAMA



## KERATAN AKHBAR 8 October 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                           |
| Tajuk Berita | : | Kerajaan Selangor umum rombakan portfolio |
| Muka Surat   | : | 9   |

# Kerajaan Selangor umum rombakan portfolio

**SHAH ALAM:** Kerajaan negeri semalam mengumumkan beberapa rombakan dan penambahan portfolio baharu antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) termasuk melibatkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dalam kenyataan dikeluarkan Pejabat Menteri Besar, selain mengekalkan portfolio sedia ada, Amirudin memegang portfolio baharu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Bencana berkuat kuasa serta merta.

Amirudin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tua turut memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembudayaan Inovasi dan Smart Selangor menggantikan Sains Teknologi dan Inovasi.

Dalam pada itu, ADUN Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah yang baru mengangkat sumpah sebagai Exco Selangor dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi, Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan dan Warisan.

ADUN Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni pula dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal.

Dalam pada itu, rombakan kecil portfolio turut dilakukan melibatkan beberapa pengerusi jawatankuasa tetap lain iaitu Rodziah Ismail selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar serta Pembangunan

Usahawan yang sebelum ini memegang portfolio Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi.

Hee Loy Sian kini selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal sebelum ini memegang portfolio Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna.

Bagi V. Ganabatirau pula, sebelum ini Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin, kini beliau memegang portfolio Pembangunan Sosioekonomi, Kebajikan Masyarakat dan Pemberdayaan Pekerja.

Amirudin dalam kenyataannya berkata, sebanyak lima portfolio baharu diwujudkan sejajar dengan keperluan semasa negeri iaitu Pembudayaan Inovasi dan Smart Selangor yang mana nama asal ialah Sains, Teknologi dan Inovasi dan ditambah komponen Smart Selangor yang baharu diwujudkan.

“Empat lagi portfolio baharu ialah Pengurusan Bencana, Pemberdayaan Pekerja, Perpaduan dan Industri Halal.

“Sementara itu, dua portfolio sedia ada dijenamakan semula bagi tujuan cakupan yang lebih meluas iaitu Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar (nama asal Perumahan dan Kehidupan Bandar) dan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam (nama asal Kesihatan),” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**8 October 2020**

|              |   |                               |
|--------------|---|-------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia               |
| Tajuk Berita | : | Dalang cemar sungai ditangkap |
| Muka Surat   | : | 11                            |

## Dalang cemar sungai ditangkap

**SEREMBAN:** Polis menahan dua lelaki di Kelantan kerana disyaki menjadi dalang yang mencemarkan sungai Batang Benar di Nilai dekat sini hingga menyebabkan berlakunya gangguan bekalan air bersih di Selangor.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman berkata, suspek ditahan di Kota Bharu, kelmarin iaitu tidak sampai 24 jam selepas aduan mengenai pencemaran itu dibuat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Katanya, suspek ditahan di Kota Bharu dan dibawa ke Negeri Sembilan untuk tahanan reman selama seminggu bermula semalam.

“Turut dirampas sebuah treler yang disyaki digunakan untuk membuang bahan buangan berkenaan.

“Kami percaya treler itu mempunyai kaitan dengan tapak pembuangan haram di Jalan Emas di Taman Perindustrian Nilai,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Che Zakaria, treler berkenaan adalah milik sebuah



**CHE Zakaria Othman menunjukkan treler yang dirampas kerana disyaki digunakan untuk membuang sisa buangan di Sungai Batang Benar, Nilai, Negeri Sembilan. - UTUSAN/ SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI**

syarikat pengangkutan di Kelantan dan polis masih menyiasat jenis bahan yang dibuang serta sumbernya.

“Pasukan forensik sudah mengambil sampel sisa buangan di Jalan Emas ini dan treler berkenaan akan dihantar untuk ujian makmal bagi menentukan

bahan yang dibawa adalah sama seperti di lokasi pembuangan,” jelasnya.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana mencemarkan tali air atau sungai dan boleh dihukum penjara tidak lebih 30 tahun serta denda.



## KERATAN AKHBAR

8 October 2020

|              |   |                               |
|--------------|---|-------------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro                  |
| Tajuk Berita | : | Tiada laporan kes MB Selangor |
| Muka Surat   | : | 4                             |

# Tiada laporan kes MB Selangor

**Cheras:** Polis akan meneliti jika ada keperluan membuka kertas siasatan terhadap Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang melanggar perintah kuarantin Covid-19, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya masih meneliti kes berkenaan sebelum mengambil tindakan susulan.

"Setakat ini, kita belum terima laporan berhubung kes itu tetapi kita akan meneliti perkara berkenaan.

"Beliau (Amirudin) sudah memohon maaf menerusi media sosial berkaitan pelanggaran perintah kuarantin itu dan jika ada keperluan, kita akan buka kertas siasatan," katanya pada sidang media di Maktab Polis Diraja Malaysia di Cheras di sini, semalam.

Acryl berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Selaras dengan perutu-



AMIRUDIN

san khas Perdana Menteri kelmarin, tiada sesiapa terkecuali daripada siasatan dan tindakan termasuk ahli politik dan pemimpin kerajaan.

"Polis akan lebih tegas dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19," katanya.

Pada 29 September lalu Pejabat Menteri Besar Selangor memaklumkan Amirudin disahkan bebas Covid-19 selepas menjalani kuarantin di rumah bagi mematuhi arahan KKM sebaik kepulangan beliau dari program di Sabah.



## KERATAN AKHBAR

8 October 2020

|              |   |                               |
|--------------|---|-------------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro                  |
| Tajuk Berita | : | Tiada laporan kes MB Selangor |
| Muka Surat   | : | 4                             |

# Tiada laporan kes MB Selangor

**Cheras:** Polis akan meneliti jika ada keperluan membuka kertas siasatan terhadap Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang melanggar perintah kuarantin Covid-19, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya masih meneliti kes berkenaan sebelum mengambil tindakan susulan.

“Setakat ini, kita belum terima laporan berhubung kes itu tetapi kita akan meneliti perkara berkenaan.

“Beliau (Amirudin) sudah memohon maaf menerusi media sosial berkaitan pelanggaran perintah kuarantin itu dan jika ada keperluan, kita akan buka kertas siasatan,” katanya pada sidang media di Maktab Polis Diraja Malaysia di Cheras di sini, semalam.

Acryl berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Selaras dengan perutu-



AMIRUDIN

san khas Perdana Menteri kelmarin, tiada sesiapa terkecuali daripada siasatan dan tindakan termasuk ahli politik dan pemimpin kerajaan.

“Polis akan lebih tegas dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19,” katanya.

Pada 29 September lalu Pejabat Menteri Besar Selangor memaklumkan Amirudin disahkan bebas Covid-19 selepas menjalani kuarantin di rumah bagi mematuhi arahan KKM sebaik kepulangan beliau dari program di Sabah.



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                   |
|-----------------------|---|-------------------|
| <b>8 October 2020</b> |   |                   |
| Akhbar                | : | Harian Metro      |
| Tajuk Berita          | : | Tutup 4 zon merah |
| Muka Surat            | : | 8                 |

# Tutup 4 zon merah

*PKPB di Sandakan, Papar, Tuaran di Sabah dan Klang, Selangor*

Bernama

**Kuala Lumpur**

**K**erajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di zon merah iaitu Sandakan, Papar, Tuaran di Sabah dan Klang di Selangor, bermula 9 Oktober ini susulan peningkatan kes Covid-19 di kawasan terbabit.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan itu diambil bagi membendung jangkitan dan penularan Covid-19 dalam daerah terbabit serta membolehkan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan sepanjang tempoh 14 hari.

"Pergerakan keluar masuk di keempat kawasan PKPB itu tidak dibenarkan. Hanya perkhidmatan perlu termasuk kilang dan rantaian yang berkaitan dalam perkhidmatan perlu dibenarkan.

"Pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (Miti) akan menyenaraikan jenis perkhidmatan perlu yang terlibat di kawasan terbabit," katanya dalam sidang media secara maya dari kediamannya menerusi Facebook Kementerian Pertahanan, semalam.

Katanya, antara prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi kawasan yang terbabit hanya dua orang sahaja dari sesebuah

**PKPB BERSYARAT ZON MERAH DI KLANG**  
 BERMULA 12.01 TENGAH MALAM INI (9 OKT)

**Mendapatkan bekalan makanan & keperluan rumah**

- Dua orang sahaja dari sebuah rumah
- Pembelian makanan
  - Pandu lalu
  - Penghantaran (delivery)
  - Bungkus (take-away)

**Dibenarkan beroperasi**

**24 jam**

- Klinik • Hospital kerajaan
- Hospital swasta

**6 pagi - 6 petang**

- Restoran • Kedai makan
- Kedai runcit • Kedai serbaneka
- Stesen minyak
- Farmasi
- Kedai menjual ubat-ubatan

**6 pagi - 2 petang**

- Pasar harian

**6.00 pagi - 8.00 malam**

- Perkhidmatan teksi/e-hailing (maksimum 2 penumpang) dan penghantaran makanan

**Tidak dibenarkan beroperasi**

- Perniagaan Bukan Perkhidmatan Perlu (Non Essential Service)
- Pasar malam • Pasar tamu
- Pasar borong • Pasar tañi
- Perkhidmatan bas ekspres dan bus henti-henti

**Ditutup**

- Masjid • Surau
- Rumah Ibadat bukan Islam
- Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
- Institut Latihan Kemahiran
- Sekolah • Tadika • Taska
- Pusat Tahfiz
- Pusat Jagaan Kanak-kanak

**Individu bekerja**

- Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPB.
- Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah
- Kebenaran untuk bekerja hanya bagi Perkhidmatan Perlu (essential service) dengan kelulusan PDRM

**Kenderaan membawa barangan keperluan (essential) dibenarkan keluar masuk dengan mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu.**

**Bagi kes kecemasan adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak berkuasa.**

rumah dibenarkan keluar bagi mendapatkan bekalan makanan dan keperluan rumah, perniagaan bukan perkhidmatan perlu ditutup, serta waktu operasi restoran, kedai makan, kedai runcit dan kedai serbaneka dari jam 6 pagi hingga jam 6 petang.

Ismail Sabri berkata, aktiviti sukan, sosial dan keagamaan, tidak dibenarkan

daklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah," katanya.

Beliau mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) secara pentadbiran di Rumah Pangsa Tongkang Yard (Seberang Perak) ditamatkan berkuat kuasa jam 12.01 tengah malam tadi (8 Oktober) selepas tiada penambahan kes baharu Covid-19 direkodkan untuk tempoh tujuh hari (sejak 28 September).

Pada 25 September lalu, kerajaan menamatkan PKPD secara pentadbiran di Kota Setar, Kedah namun sudah melanjutkan tempoh PKPDB di Rumah Pangsa Tongkang Yard (Seberang Perak).

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan Jabatan Peguam Negara membenarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berpangkat inspektor ke atas mengeluarkan kompaun serta-merta di lapangan kepada individu yang melanggar SOP.

Mengenai kuarantin wajib, beliau berkata, dari 24 Julai sehingga kelmarin, seramai 42,526 individu sudah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

"Daripada jumlah itu, seramai 9,522 individu menjalani kuarantin wajib di 66 Hotel dan 13 premis lain termasuk Institut Latihan Awam (ILA) serta Institusi Pengajian Swasta," katanya.

dan perkhidmatan teksi, e-hailing serta penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi hingga jam 8 malam sahaja.

"Perkhidmatan bus ekspres dan bus henti-henti juga tidak dibenarkan beroperasi. Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPB. Majikan hen-



**KERATAN AKHBAR**  
**8 October 2020**

|              |   |                                  |
|--------------|---|----------------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro                     |
| Tajuk Berita | : | 'Air mulai jernih, lebih bersih' |
| Muka Surat   | : | 12                               |

**Putrajaya:** "Alhamdulillah menjelang tengah hari (semalam), buka paip air mulai jernih dan lebih bersih."

Begitu kata Mohd Zainizam Mazlan, 44, apabila rumah teres didiami bersama isteri, Norizan Ahmad, 44, dan tujuh anak di Presint 9 di sini, mengalami gangguan bekalan air.

Gangguan bekalan air tidak berjadual berlaku sejak Ahad lalu di daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang/Putrajaya selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas akibat pencemaran sumber air mentah dari sungai.

Mohd Zainizam berkata, perubahan rutin harian terpaksa dilakukan dengan membeli makanan dan minuman di kedai kerana tidak boleh memasak disebabkan masalah bekalan air.

"Kami sekeluarga juga terpaksa tangguh membasuh baju. Malah ada anak juga tidak dapat ke sekolah apabila kawasan sekolah mereka turut tersenarai mengalami gangguan bekalan air.

"Pihak sekolah terpaksa sebarakan mesej supaya murid membawa bekalan air sendiri untuk urusan ke tandas," katanya.

Sementara itu, Ahmad Ibrahim Mohd Noor, 39, yang menetap di Presint 9 di sini,

## 'Air mulai jernih, lebih bersih'



SEORANG wanita mengambil bekalan air daripada Air Selangor di kawasan perumahan USJ 4/5 ketika tinjauan krisis LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi yang dihenti tugas berikutan insiden pencemaran air mentah.

berkata, dia bernasib baik apabila kebun cilinya di Kampung Seri Tanjung, Dengkil tidak mengalami gangguan bekalan air.

Oleh itu, dia membawa isteri dan dua anaknya ke

kebun cili itu untuk urusan membersihkan diri selain 'berkelah' di kebun.

"Apabila isteri habis kerja, saya bawa dia dan anak ke kebun. Mudah sebab di situ ada air. Nak mandi pun tak

ada masalah.

"Lagipun, dua anak juga terpaksa 'dicutkan' bukan sahaja sebab gangguan bekalan air, tetapi juga kes Covid-19 yang membimbangkan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                     |
|-----------------------|---|---------------------|
| <b>8 October 2020</b> |   |                     |
| Akhbar                | : | Harian Metro        |
| Tajuk Berita          | : | Ditahan di kelantan |
| Muka Surat            | : | 12                  |

## SUSPEK CEMAR SUNGAI BATANG BENAR

# Ditahan di Kelantan

Oleh Hafidzul Hilmi  
 Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

### Cheras

**D**alang yang menjadi punca lebih satu juta pengguna terjejas bekalan air sejak Ahad lalu ditahan polis selepas dipercayai ada hubung kait pencemaran air mentah di Sungai Batang Benar, Nilai, Negeri Sembilan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, dua suspek berusia 20 dan 30 tahun ditahan di Kota Bharu, Kelantan, tengah hari kelmarin.

"Dua suspek terbabit dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai untuk diambil keterangan dan siasatan.

"Kami baru terima perkara ini (tangapan) dan kita tidak boleh terburu-buru dalam menjalankan siasatan," katanya di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini, semalam.



DUA suspek (berbaju biru dan merah) yang disyaki terbabit dalam kes pencemaran Sungai Batang Benar, Nilai dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban untuk direman.

Terdahulu, Acryl Sani merasmikan Seminar Pengukuhan Siasatan Jenayah Komersil dan Pelancaran Portal dan Aplikasi Semak Mule.

Ahad lalu, sebanyak 309,687 akaun pengguna di 274 kawasan membabitkan empat daerah iaitu Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat

dan Sepang di Selangor berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual susulan pencemaran air mentah di Sungai Semenyih.

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elena Baseri berkata, Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya berikutan insiden pencemaran itu.

Kelmarin, polis memaklumkan sudah mengenal pasti suspek kes pencemaran Sungai Batang Benar dan kini dalam proses menahan individu berkenaan.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman dilaporkan berkata, suspek bukan penduduk tempatan sebaliknya berasal dari negeri lain.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan susulan laporan polis yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), semalam," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

8 October 2020

|              |   |                                |
|--------------|---|--------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                          |
| Tajuk Berita | : | Selangor rombak portfolio Exco |
| Muka Surat   | : | 7                              |

# Selangor rombak portfolio Exco

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri semalam mengumumkan rombakan portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) sejajar dengan keperluan semasa di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, beliau yang sebelum ini memegang Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kewangan, Ekonomi Pembangunan Tanah dan Sumber Alam, Komunikasi Strategik serta Pendidikan akan mengalas dua portfolio baharu.

Katanya, ini termasuk Pengurusan Bencana selain Kebudayaan Inovasi dan Smart Selangor yang menggantikan Sains, Teknologi dan Inovasi sebelum ini.

“Selain itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Kemuning, V. Ganabatirau menambah dalam portfolio baharunya iaitu Pemberdayaan Pekerja berbanding sebelum ini sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap, Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Kebajikan Masyarakat.

“Manakala, Dr. Siti Mariah Mahmud yang merupa-

kan ADUN Seri Serdang dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam (dijenamakan semula daripada Kesihatan), Pembangunan Wanita dan Keluarga ditambah portfolio baharu iaitu Perpaduan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, beberapa Exco yang kekal dengan portfolio masing-masing adalah seperti Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Datuk Teng Chang Khim dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar (dijenamakan dari Perumahan dan Kehidupan Bandar) Pembangunan Usahawan, Rodziah Ismail.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, dua Exco baharu yang dilantik sebelum ini melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah dan ADUN Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni turut diberikan portfolio bagi memperkemaskan barisan exco sedia ada.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>8 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | Sinar Harian                                  |
| Tajuk Berita          | : | 1.9 JUTA PENDUDUK EMPAT DAERAH DIKENAKAN PKPB |
| Muka Surat            | : | 1   |

# 1.9 JUTA PENDUDUK EMPAT DAERAH DIKENAKAN PKPB

MEMERANGI  
WABAK  
COVID-19





**“** Pergerakan keluar masuk di empat kawasan PKPB ini adalah tidak dibenarkan. Hanya perkhidmatan perlu termasuk kilang-kilang dan rantaian yang berkaitan dalam perkhidmatan perlu dibenarkan.” - Kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang akhbar menerusi laman Facebook Live semalam

SERAMAI 1.9 juta penduduk dari empat daerah di Malaysia iaitu Sandakan, Papar dan Tuaran di Sabah serta Klang, Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) susulan peningkatan kes-kes Covid-19 bermula 9 Oktober ini (esok).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, empat kawasan tersebut merupakan kawasan baharu yang diklasifikasikan sebagai zon merah di Sabah dan Selangor kerana mempunyai lebih 40 kes positif Covid-19.

Berdasarkan maklumat Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, jumlah penduduk Sandakan adalah seramai kira-kira 518,200 orang, Papar (171,000), Tuaran (130,000) dan Klang (1.1 juta).

Pelaksanaan PKPB itu bertujuan membendung jangkitan dan penularan Covid-19 dalam daerah tersebut serta membolehkan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan sepanjang tempoh 14 hari dan hanya perkhidmatan penting dan industri yang diluluskan dibenarkan beroperasi.

Antara prosedur operasi yang ditetapkan di bawah PKPB ialah hanya dua orang dari sebuah rumah dibenarkan untuk keluar bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan dan membeli barangan keperluan rumah.

2



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>8 October 2020</b> |   |                        |
|--|---|------------------------|
| Akhbar   | : | Sinar Harian           |
| Tajuk Berita                                   | : | Empat daerah kena PKPB |
| Muka Surat                                     | : | 2                      |

# Empat daerah kena PKPB

PKPB di Klang, Selangor serta Tuaran, Sandakan dan Papar di Sabah dilaksanakan bermula 9 Oktober ini

## KUALA LUMPUR

**K**erajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di daerah zon merah iaitu Sandakan, Papar, Tuaran di Sabah dan Klang di Selangor bermula esok susulan peningkatan kes coronavirus (Covid-19) di kawasan tersebut.


Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan itu diambil bagi membendung jangkitan dan penularan Covid-19 dalam daerah tersebut serta membolehkan aktiviti



ISMAIL SABRI



Empat daerah iaitu Klang, Selangor dan Papar, Sandakan dan Tuaran di Sabah dikenakan PKPB bermula esok.



pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan sepanjang tempoh 14 hari.

“Pergerakan keluar masuk di keempat-empat kawasan PKPB ini adalah tidak dibenarkan. Hanya perkhidmatan perlu termasuk kilang-kilang dan rantaian yang berkaitan dalam perkhidmatan perlu adalah dibenarkan.

“Pihak Kementerian Per-

dagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) akan menyenaraikan jenis perkhidmatan perlu yang terlibat di kawasan tersebut,” katanya dalam sidang akhbar secara maya dari kediamannya menerusi Facebook Kementerian Pertahanan di sini semalam.

Untuk rekod, berdasarkan laman web Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, seramai lebih 1.9 juta penduduk dalam empat daerah akan terbabit terlibat arahan PKPB kali ini dengan jumlah penduduk Sandakan adalah seramai kira-kira 518,200 orang penduduk, Papar (171,000), Tuaran (130,000) dan Klang (1.1 juta).

Sementara itu, beliau mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) secara pentadbiran di Rumah Pangsa Tongkang Yard (Seberang Perak) ditamatkan berkuat kuasa jam 12.01 tengah malam tadi setelah tiada penambahan kes baharu Covid-19 direkodkan untuk tempoh tujuh hari sejak 28 September.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan Jabatan Peguam Negara membenarkan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) berpangkat inspektor ke atas mengeluarkan kompaun serta-merta di lapangan kepada individu yang melanggar SOP. - *Bernama*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **8 October 2020**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Sinar Harian  |
| Tajuk Berita | : | Tiada laporan polis terhadap MB Sselangor langgar kuarantin |
| Muka Surat   | : | 3   |

### Tiada laporan polis terhadap MB Selangor langgar kuarantin

**SHAH ALAM** - Polis belum menerima laporan berhubung tindakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari melanggar kuarantin kerana terpaksa keluar bertugas bagi menyelesaikan isu pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih dan Bukit Tampo pada Ahad lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, setakat ini belum ada laporan berhubung isu itu namun pihaknya akan mengkaji perkara itu.



**ACRYL SANI**

“Kita menyedari perkara itu, beliau (Amirudin) telah meminta maaf melalui media sosial atas tindakannya itu,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Pengukuhan Siasatan Jenayah Komersial, Pelancaran Portal dan Aplikasi Semak Mule di Maktab Polis Diraja Malaysia di sini semula.

Acryl Sani berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) untuk mengengkang penularan Covid-19.

“Kita akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja sejajar dengan kenyataan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Kita berada di fasa kritikal berikutan peningkatan kes Covid-19,” katanya.



## KERATAN AKHBAR

8 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian   |
| Tajuk Berita | : | Bekalan air di 46 kawasan di Selangor pulih sepenuhnya |
| Muka Surat   | : | 12   |

# Bekalan air di 46 kawasan di Selangor pulihan sepenuhnya

## KUALA LUMPUR

- Sejumlah 46 dari pada 274 kawasan telah menerima bekalan air sepenuhnya dengan peratusan pemulihan pada tahap 17 peratus sehingga 6 pagi semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Basri berkata, baki 228 kawasan masih lagi dalam proses pemulihan.



ELINA

“Wilayah Kuala Langat mencatat pemulihan sebanyak 55 peratus manakala Petaling dengan 37 peratus, namun Hulu Langat dan Sepang/Putrajaya masih belum dapat dipulihkan.

“Pengguna dinasihat supaya tidak menyimpan dan menggunakan air berlebihan bagi memastikan proses pemulihan di kawasan yang masih terjejas berjalan lancar dan mengikut jadual pelan pemulihan Air Selangor,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Air Selangor sedang giat berusaha menstabilkan sistem agihan bagi memulihkan kawasan yang terjejas.

Sejumlah 309,687 akaun pengguna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang/Putrajaya mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual sejak Ahad lepas apabila Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas akibat pencemaran sumber air mentah.

Pengguna di kawasan yang terjejas disarankan merujuk saluran komunikasi rasmi Air Selangor seperti aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut. - Bernama



**KERATAN AKHBAR**  
**8 October 2020**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                 |
| Tajuk Berita | : | Dua suspek pencemaran air direman tujuh hari |
| Muka Surat   | : | 12   |

# Dua suspek pencemaran air direman tujuh hari

Kedua-dua suspek ditahan di Kota Bharu, Kelantan pada jam 12.45 tengah hari kelmarin

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

## SEREMBAN

**D**ua lelaki yang disyaki terlibat dalam kes pencemaran di Sungai Batang Benar di sini sehingga berlaku gangguan bekalan air di Selangor direman tujuh hari bermula semalam.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisyoner Che Zakaria Othman berkata, kedua-dua suspek ditahan di Kota Bharu, Kelantan pada jam 12.45 tengah hari kelmarin.

“Suspek berusia 30 dan 40 tahun itu bekerja sebagai pemandu dan kelindan lori.

“Polis turut merampas barang kes iaitu sebuah treler dan sejumlah dokumen urusan pengangkutan untuk siasatan lanjut,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan semalam.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 430



Che Zakaria (kanan) menunjukkan treler yang dirampas untuk siasatan lanjut kes pencemaran sungai di Seremban semalam.

Kanun Keseksaan.

“Jika sabit kesalahan hukuman tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 30 tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Terdahulu media melaporkan Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan kawasan belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai telah dikenal pasti sebagai lokasi utama punca pencemaran yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA)

Sungai Semenyih dihenti tugas.

Kementerian itu berkata, sejumlah bahan buangan dan bahan sebatian organik yang tersisa ditemukan di tapak lokasi.

Pencemaran itu menyebabkan dua LRA iaitu di Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang menjejaskan 309,687 akaun pengguna di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>8 October 2020</b> |   |                                      |
|--|---|--------------------------------------|
| Akhbar   | : | Sinar Harian                         |
| Tajuk Berita                                   | : | Bantahan penduduk Bukit Antarabangsa |
| Muka Surat                                     | : | 13                                   |

# Bantahan penduduk Bukit Antarabangsa

Berhubung status projek Lot 850 Batu 6 1/4 Jalan Ulu Klang yang dibantah sejak tahun 2016

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

**HULU KLANG**

**B**ukit Antarabangsa Task Force 850 (BATF 850) menuntut penjelasan pihak berwajib dan kerajaan berhubung status projek Lot 850 Batu 6 1/4 Jalan Ulu Klang, Mukim Ulu Klang, Daerah Gombak yang dibantah sejak tahun 2016.

Pengerusinya, Datuk Al-bakri Ali berkata, tanpa sebarang pemakluman rasmi, pihaknya mendapati kerja-kerja projek itu terletak bersebelahan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) telah dimulakan di tapak berkenaan.

Katanya, difahamkan projek tersebut digantung sementara berdasarkan Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) terakhir pada 18 Ogos 2016 di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang disertai jawatankuasa bagi meneliti bantahan yang dibuat.

“Namun sehingga kini, tiada sebarang pemakluman rasmi yang diberikan kepada kami sehinggalah kami mendapati terdapat papan tanda projek dinaikkan pada tahun ini.

“Surat tersebut telah dihantar kepada pihak MPAJ dan Menteri Besar Selangor pada Mac lalu untuk menuntut penjelasan. Namun, tiada maklum balas diberikan sehingga kini.



Kejadian pokok jatuh terkena kenderaan awam di Bukit Antarabangsa dekat Hulu Klang minggu lalu didakwa disebabkan kerja-kerja yang telah dimulakan di tapak projek tersebut.

## PROJEK DI LERENG BUKIT ANTARABANGSA

“Kerja-kerja projek telah dimulakan apabila jentera mula memotong pokok-pokok di tapak berkenaan. Baru-baru ini terjadi insiden pokok terkena kereta orang awam disebabkan kerja-kerja yang dijalankan,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

BATF 850 merupakan sebuah badan bertindak yang mewakili 30 buah taman perumahan di sekeliling kawasan Bukit Antarabangsa bertujuan melindungi kepentingan dan kebajikan penduduk di situ.

Bantahan terhadap projek yang mengandungi dua blok kondominium 41 tingkat itu dibuat ekoran kebimbangan penduduk terhadap kawasan projek yang berisiko, dan tidak mahu tragedi bangunan dan tanah runtuh yang pernah berlaku di kawasan Bukit Antarabangsa berulang.

Berdasarkan info pada papan tanda projek, kelulusan pembangunan dinya-



SHARIFFA SABRINA

takan bertarikh 11 Julai 2020, manakala kelulusan pelan kerja tanah adalah bertarikh 22 November 2019.

Tarikh projek bermula 22 Jun 2020 dan akan tamat pada 5 Julai 2021.

Dalam pada itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, projek tersebut tidak sepatutnya diluluskan kerana

ia melibatkan kawasan yang berisiko.

Katanya, bantahan yang dikemukakan penduduk adalah berasas kerana banyak kes yang telah berlaku sebelum ini.

“Berdasarkan perkembangan yang berlaku sekarang ini, nampaknya bantahan penduduk langsung tidak diendahkan.

“Saya sarankan agar penduduk teruskan dengan tindakan undang-undang kerana pihak berwajib nampaknya tidak mahu mendengar bantahan mereka yang telah dibuat melalui saluran sewajarnya,” kata beliau.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                                     |
|-----------------------|---|-------------------------------------|
| <b>8 October 2020</b> |   |                                     |
| Akhbar                | : | Sinar Harian                        |
| Tajuk Berita          | : | Selangor umum lima portfolio baharu |
| Muka Surat            | : | 21                                  |

# Selangor umum lima portfolio baharu

Rombakan barisan Exco dilakukan susulan pelantikan dua Exco baharu pada 17 September lalu

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

**K**erajaan Selangor semalam mengumumkan rombakan portfolio barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) susulan pelantikan dua Exco baharu pada 17 September lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebanyak lima portfolio baharu diwujudkan sejajar dengan keperluan semasa negeri itu.

"Antaranya melibatkan portfolio Pembudayaan Inovasi & Smart Selangor (nama asal ialah Sains, Teknologi dan Inovasi dan ditambah komponen Smart Selangor yang baru diwujudkan) iaitu meliputi pengurusan bencana, pemberdayaan pekerja, perpaduan dan industri halal.

"Sementara itu, dua portfolio sedia ada dijenamakan semula bagi tujuan cakupan lebih meluas iaitu Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Ke-

sejahteraan Bandar (nama asal Perumahan dan Kehidupan Bandar) dan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam (nama asal Kesihatan)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, selain itu, portfolio baharu untuk dua Exco turut diumumkan.

"Portfolio baharu melibatkan Exco Pembangunan Luar Bandar, Kampung Tradisi, Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan dan Warisan, Borhan Aman Shah dan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal, Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

"Rombakan kecil melibatkan Exco sedia ada antaranya Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar serta Pembangunan Usahawan, Rodzi-

ah Ismail; Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal, Hee Loy Sian dan Exco Pembangunan Sosio-ekonomi, Kebajikan Masyarakat dan Pemberdayaan Pekerja, Ganabatirau Veraman," katanya.



AMIRUDIN

Dua portfolio sedia ada dijenamakan semula bagi tujuan cakupan lebih meluas iaitu Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar (nama asal Perumahan dan Kehidupan Bandar) dan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam (nama asal Kesihatan)."

## LIMA PORTFOLIO BAHARU DI SELANGOR

1. Pembudayaan Inovasi & Smart Selangor (nama asal ialah Sains, Teknologi dan Inovasi dan ditambah komponen Smart Selangor yang baharu diwujudkan)
2. Pengurusan Bencana
3. Pemberdayaan Pekerja
4. Perpaduan
5. Industri Halal



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>7 October 2020</b> |   |                              |
|--|---|------------------------------|
| Akhbar   | : | Utusan Malaysia Online       |
| Tajuk Berita                                   | : | Krisis air: 46 kawasan pulih |
| Muka Surat                                     | : | -                            |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 7 October 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia Online                          |
| Tajuk Berita | : | Penduduk kecewa masalah air berterusan 24 tahun |
| Muka Surat   | : | -   |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>6 October 2020</b> |   |   |
|--|---|---|
| Akhbar   | : | Utusan Malaysia Online                      |
| Tajuk Berita                                   | : | 12 jam stabilkan sistem LRA Sungai Semenyih |
| Muka Surat                                     | : | -   |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia Online                  |
| Tajuk Berita | : | 145 kawasan akan pulih tengah malam ini |
| Muka Surat   | : | -                                       |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |  |
|-----------------------|---|--|
| <b>6 October 2020</b> |   |  |
| Akhbar                | : | Utusan Malaysia Online                     |
| Tajuk Berita          | : | Negeri Sembilan hantar bantuan lori tangki |
| Muka Surat            | : | -  |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia Online                                   |
| Tajuk Berita | : | Polis kenal pasti suspek mencemarkan sungai Batang Benar |
| Muka Surat   | : | -  |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**8 October 2020**

|              |   |                  |
|--------------|---|------------------|
| Akhbar       | : | The Star         |
| Tajuk Berita | : | AID FOR STUDENTS |
| Muka Surat   | : | 2                |

## **AID FOR STUDENTS**

Selangor will channel aid via the Bantuan Prihatin Mahasiswa Darul Ehsan programme to students affected by the Higher Education Ministry's decision to postpone physical registration to provide assistance such as transportation back to their hometowns, food as well as face masks and hand sanitisers. Assistance will focus on three categories of students – those from Selangor studying in the state, students from other states studying in Selangor and Selangor students in other states. Students who need this assistance can refer to the 'TS Care Kit Distribution' form at <http://bit.ly/mdekatA>, Selangor Campus Students Food Assistance Form at <http://bit.ly/mdekatB>, and Selangor Natives Transportation Assistance form at <http://bit.ly/mdekatC>.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>8 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | The Star                                |
| Tajuk Berita          | : | Four red zones under CMCO from tomorrow |
| Muka Surat            | : | 2                                       |

## Four red zones under CMCO from tomorrow

By MAZWIN NIK ANIS  
 mazwin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Four red zones – Klang in Selangor as well as Sandakan, Papar and Tuaran in Sabah – will be off limits from tomorrow as a conditional movement control order (MCO) comes into force to contain Covid-19 cases.

During this period, movements into or out of the areas – with the exception of essential services – will not be allowed.

Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said over the 14 days of the conditional MCO, health authorities would carry out targeted screenings in the four areas.

Red zones are areas or districts with at least 41 active Covid-19 cases.

Residents who are working will not be allowed to leave the areas for work, said Ismail Sabri, adding that employers must adhere to this order and allow their employees to take leave or work from home.

“Only essential services, including factories and supply chain services, will be allowed.

“The police, armed forces and other enforcement authorities will monitor the areas under the conditional MCO. We urge the public to stay calm and cooperate,” he said.

The International Trade and Industry Ministry will list the type of essential services allowed in the



affected areas.

Under the standard operating procedure, only two people will be allowed out of the house to get food and other essentials.

Non-essential businesses are not allowed to operate while restaurants, food outlets, grocery stores, supermarkets and convenience stores can open from 6am to 6pm.

Fuel stations and pharmacies can

operate from 6am to 6pm, while wet markets are to operate from 6am to 2pm.

Government and private hospitals can operate 24 hours, while e-hailing services are allowed from 6am to 8pm only with no more than two passengers per vehicle.

Express and stage bus services will not be allowed, as with gatherings at all places of worship and schools, institutions of higher learning, kindergartens, as well as day-care centres.

On another matter, Ismail Sabri said police can now issue compounds on the spot against those caught violating the SOP.

He said the Attorney-General had

allowed police to do so, provided that the compound is issued by an officer holding the rank of Inspector or higher.

